

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

BENGKEL PERSEDIAAN PEPERIKSAAN AKHIR STATISTIK (1/2025)

Penulis: Siti Nur Atiqah Mohd Shafie, Sarah Farhana Zamalik, Akmal Shafiq Badarul Azam, Muhammad Zukhairi Zakariah, dan Hazfina Mohamed Idris

14 Januari 2024 (Selasa) – Satu inisiatif bengkel ilmiah iaitu Bengkel Persediaan Peperiksaan Akhir Statistik (1/2025) telah diadakan khusus oleh pensyarah-pensyarah di bawah Fakulti Sains Komputer dan Matematik bagi membantu pelajar yang mengambil kursus *Introduction to Statistics* (STA104) pada semester Oktober 2024 sehingga Februari 2025 di UiTM Kampus Mukah. Bengkel ini berlangsung selama tiga jam bermula pada jam 7.30 malam dan dikelolakan oleh empat orang pensyarah yang berpengalaman mengajar kursus *Introduction to Statistics* (STA104) iaitu Prof. Madya Dr. Tang Howe Eng, Cik Siti Nur Atiqah binti Mohd Shafie, Encik Muhammad Zukhairi bin Zakariah dan Encik Akmal Shafiq bin Badarul Azam.

Seramai 56 orang pelajar yang terdiri daripada program Diploma Pengajian Perbankan (BA119), Diploma Pengajian Perniagaan (BA111) serta pelajar ulangan dari program Diploma Pengurusan Industri Penanaman (AT110) telah menghadiri program ini. Selain itu, bengkel ini juga bertujuan untuk membantu para pelajar yang lemah dalam subjek STA104 untuk mencapai gred yang memuaskan dan membuat pecutan terakhir untuk mengulangkaji subjek ini. Para pelajar juga dapat membuat persediaan awal untuk menduduki peperiksaan akhir melalui latih tubi bagi memastikan para pelajar lebih yakin dalam menjawab peperiksaan akhir bagi kursus STA104.

Para pelajar telah dibekalkan dengan modul ringkas yang mengandungi nota, formula dan beberapa set soalan berdasarkan topik-topik yang terpilih untuk bengkel ini. Mereka juga telah didedahkan dengan bentuk soalan sebenar peperiksaan akhir STA104. Para pensyarah yang terlibat membimbing pelajar dalam cara-cara untuk memahami dan menjawab soalan mengikut kehendak soalan yang selaras dengan skema jawapan yang dikehendaki. Makan malam turut disediakan kepada semua pelajar yang terlibat dengan pembiayaan melalui Tabung Amanah Pembangunan Akademik (TAPA). Di samping itu, pelajar diberikan beberapa soalan tinjauan bagi menilai impak Bengkel Persediaan Peperiksaan Akhir Statistik (1/2025) yang telah dijalankan. Berdasarkan tinjauan tersebut, para pelajar menyatakan bahawa mereka lebih yakin dan faham cara untuk menjawab soalan peperiksaan akhir serta membantu mereka mengulangkaji dengan cara yang lebih efektif. Oleh itu, para peserta berharap agar bengkel seperti ini diadakan lagi di masa akan datang.



Antara pelajar yang terlibat



Penceramah sedang memberikan penerangan kepada pelajar